

Khamis, 30 Januari 2020 | 9:28am

Kompaun RM8,300 babitkan 34 kes

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

KUANTAN: Seramai 33 peniaga di Pahang dikesan gagal meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu hasil pemeriksaan yang dilakukan di seluruh negeri itu setakat kelmarin.

Perbuatan peniaga terbabit dikesan berdasarkan pemeriksaan di 1,027 premis perniagaan seluruh negeri dan satu kes menjual barang melebihi harga kawalan membabitkan nilai kompaun berjumlah RM8,300.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang, Ahmad Fitri Ali, berkata kompaun itu dikeluarkan terhadap peniaga kerana kesalahan melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina 2020.

Katanya, skim itu berkuat kuasa selama 14 hari dari 20 Januari hingga 2 Februari ini.

"Dalam tempoh itu, peniaga perlu mematuhi syarat ditetapkan seperti meletakkan tanda harga khas berwarna merah jambu dan tidak menjual barang keperluan yang ditetapkan kerajaan melebihi harga kawalan.

"Bagaimanapun, masih ada peniaga yang masih ingkar dan KPDNHEP mengeluarkan kompaun terhadap peniaga," katanya di sini hari ini.

Mengulas tinjauan bekalan dan harga tomato di Cameron Highlands semalam, Ahmad Fitri berkata, tiada kes kenaikan dan kekurangan bekalan barang keperluan itu.

Katanya, bekalan dan harga tomato yang dikeluarkan di Cameron Highlands adalah mencukupi serta dijual pada harga kawalan.

"Hasil tinjauan mendapati faktor cuaca yang tidak menentu sejak akhir-akhir ini tidak menjelaskan hasil pengeluaran tomato.

"Kami turun sendiri memantau bekalan dan harga tomato kerana ada desas-desus mendakwa berlaku kenaikan harga di peringkat ladang di Cameron Highlands.

"Namun hasil pemeriksaan hari ini serta semakan rekod daripada peniaga mendapati bekalan dan harganya masih stabil seperti yang ditetapkan dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2020," katanya.